

Pendidikan Seni Visual Tahun 6

Unit 3 Stabail

Arahan: Taipkan jawapan di ruangan kosong.
(rujukan buku teks ms52-56)


UNIT 3 STABAIL

Tema: Alam Semula Jadi atau Objek Buatan Manusia

Arca stabail ialah yang tapaknya stabil dan kukuh. Binaannya bermula dari menghala ke atas. Struktur binaannya berbeza daripada Arca stabail boleh dibuat menggunakan pelbagai bahan dan diolah berdasarkan tema.

Cuba kamu perhatikan contoh arca stabail di bawah. Bolehkah kamu menghasilkannya?




Arca stabail yang digabungkan dengan


Arca stabail yang digabungkan

Tokoh Seni



Datuk Syed Ahmad bin Syed Jamal dilahirkan pada 19 September 1929 di Bandar Maharani, Muar, Johor. Beliau terkenal dengan panggilan Syed Ahmad Jamal.

Beliau mendapat pendidikan di Ngee Heng English School, Bukit Zahrah English School (Maktab Sultan Abu Bakar) dan English College, Johor Bahru, Johor. Beliau pernah menjadi guru di High School Batu Pahat, Johor. Beliau juga pernah menjadi Pengetua Maktab Perguruan Ilmu Khas sehingga tahun 1972. Tugas rasmi terakhir beliau ialah Pengarah Balai Seni Lukis Negara (kini Balai Seni Visual Negara) antara tahun 1983 hingga tahun 1991.

Karya beliau kebanyakannya berbentuk abstrak. Beliau dianggap pelukis pertama yang menerokai catan bukan objektif melalui karya bertajuk "Umpan" (The Bait), iaitu karya agung yang dihasilkan pada tahun 1959. Beliau dianggap sebagai pelopor seni lukis khat cat minyak atas kanvas.

Beliau juga ada menghasilkan karya 3D. Karya arca beliau yang terkenal ialah "Relationship" (1964), "Lunar Peaks" (1986) dan "Growth" (1987). Beliau menerima anugerah Seniman Negara Malaysia pada tahun 1995. Beliau meninggal dunia pada 30 Julai 2011 ketika berusia 82 tahun.



Teknik

Arca stabail boleh dibuat dengan mencampurkan pelbagai bahan dan teknik. Tema arca stabail bergantung pada kreativiti pengkaryanya. Arca stabail digubah dalam bentuk binaan

Arca stabail yang digabungkan dengan boneka dan mozek dapat menghasilkan karya yang kreatif.



Fikirkan bahan lain untuk menghasilkan stabail.



Aplikasi Seni

Media		Teknik
Alat	Bahan	
Alatan yang sesuai	Bahan kutipan (kitar semula) atau bahan lain yang sesuai	Teknik campuran (binaan dan mozek)



Aktiviti

Yang berikut ialah langkah untuk menghasilkan karya boneka bertemakan hidupan laut menggunakan teknik binaan dan teknik mozek.



Perhatian

Jaga kebersihan dan keselamatan semasa melakukan aktiviti ini.



Lakarkan rupa ikan.





Gamkan beras dengan teknik mozek.





Gamkan pencungkil gigi pada sirip ikan.



Lekatkan hasil langkah 7 pada badan ikan.



Bengkokkan dawai untuk dijadikan tapak stabail.



Hasil rekaan arca stabail.



Tahukah kamu?

Keseimbangan sangat penting dalam arca stabail kerana keseimbangan merupakan ciri utamanya. Keseimbangan antara kiri dengan kanan dinamakan imbalan simetri. Keseimbangan ke kiri atau ke kanan pula dinamakan imbalan tidak simetri.